

15 SEP 2003

Mahathir-janji

DR MAHATHIR JAMIN PUSAT TUNAI SEGALA JANJII

PASIR MAS, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan dan janji bahawa kerajaan Barisan Nasional akan terus berusaha untuk membangunkan negara ini termasuk di Kelantan dan Terengganu yang kini diperintah oleh pembangkang.

Perdana Menteri berkata sebagai membalas kepercayaan rakyat yang memilih BN bagi menerajui negara ini, kerajaan pusat akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan melaksanakan setiap janji yang telah dibuat.

"Sebagai orang Islam, apabila kita membuat janji, maka kita harus menunaikan janji, dan jika kita tahu kita tidak mampu untuk menunaikan janji, adalah lebih kita tidak membuat janji.

"Oleh sebab itu, apabila kerajaan pusat membuat janji kita menunaikan janji-janji yang telah kita buat dan ini dapat dibuktikan di seluruh negara kita," katanya pada majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Tendong di sini.

Sultan Kelantan merasmikan jambatan sepanjang 960 meter itu yang dibina oleh kerajaan pusat melibatkan kos RM166 juta. Ia adalah jambatan ketiga dibina merentasi Sungai Kelantan.

Dr Mahathir berkata kejayaan melaksanakan projek jambatan itu juga adalah sebahagian daripada bukti yang menunjukkan kerajaan pusat terus mengutamakan projek untuk rakyat termasuk di Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh PAS.

Beliau juga berkata kejayaan negara menikmati pembangunan hingga mendapat pengiktirafan di peringkat dunia adalah hasil kewibawaan kerajaan Barisan Nasional sekarang yang dipilih oleh rakyat.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya tidak menyalahgunakan hak demokrasi dalam memilih kerajaan kerana bukan semua parti yang membentuk kerajaan boleh menunaikan janji untuk membangunkan negara.

"Janganlah dianggap bahawa siapa juga yang menjadi kerajaan maka ianya dapat memajukan negara. Sebenarnya kita lihat semua negara mempunyai kerajaan tetapi tidak semua negara itu dapat dibangunkan.

"Ini adalah kerana apabila kita memilih kerajaan (dan) kita tidak berhati-hati, kita pilih orang yang tidak mampu, maka mustahil kerajaan itu akan membina (projek) pembangunan," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun rakyat negara ini bijak memilih kerajaan berwibawa seperti yang ditunjukkan pada pilihan raya-pilihan raya yang lepas tetapi kadang kala mereka tersalah membuat keputusan kerana terpengaruh dengan "janji-janji manis bijak pandai dalam berpidato, syarahan serta dengan tuduhan yang tidak berasas terhadap kerajaan BN."

Beliau meminta rakyat untuk menoleh ke belakang dan menyemak bagi melihat "siapa yang menunaikan janji dan siapa yang tidak".

"Ini amat penting sekali kerana setiap kali kita adakan pilihan raya, pelbagai janji akan dibuat tetapi kita harus tanya apakah dahulu janji ini ditunaikan ataupun tidak," katanya.

Dr Mahathir mengakui terdapat beberapa janji kerajaan pusat masih tidak dapat dikotakan seperti usaha untuk membangunkan Koridor Timur melibatkan Kelantan, Terengganu dan Pahang kerana tidak mendapat kerjasama daripada pihak berkuasa di negeri-negeri pimpinan PAS.

Perdana Menteri turut menempelak pimpinan kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu yang mengambil sikap mudah dalam melaksanakan pembangunan negeri masing-masing dan sebaliknya menyerahkan tugas itu kepada kerajaan pusat.

Beliau berkata sikap yang ditunjukkan oleh kedua-dua kerajaan negeri itu "adalah tidak baik" kerana mereka dipilih oleh rakyat manakala BN pula memikul tanggungjawab walaupun tewas pada pilihan raya di kedua-dua negeri itu.

Perdana Menteri turut meminta rakyat supaya berterima kasih kepada kerajaan pusat yang berjaya membawa pelbagai pembangunan di negara ini termasuk di Kelantan yang menerima peruntukan besar setiap tahun bagi menjayakan program pembangunan di negeri itu.

"Jambatan ini dibuat oleh kerajaan pusat dan BN, dan kita (rakyat Kelantan) perlu kata terima kasih kepada kerajaan pusat dan tidak kepada orang lain. Ini boleh merapatkan hubungan sesama kita.

"Itulah sebab kita selalu meminta supaya kita semua pandai bersyukur dan pandai berterima kasih kerana ia adalah sebahagian ajaran Islam. Siapa yang bersyukur mereka akan dapat nikmat yang bertambah," katanya.

Dr Mahathir berkata perbuatan berterima kasih dan bersyukur sesama manusia bukan menafikan hikmah tuhan sebaliknya sikap itu amat digalakkan seperti menghargai sejarah sumbangan dan usaha pendakwah dan pedagang dari Timur Tengah yang menyebarkan agama Islam ke negara ini.

"Saya yakin rakyat Kelantan terdiri orang yang tahu berterima kasih," katanya.

Dr Mahathir juga meminta rakyat supaya bersyukur dan berterima kasih kepada pasukan keselamatan seperti polis dan tentera yang ditugaskan menjaga keamanan negara sehingga membolehkan rakyat bebas dan tidak berasa takut untuk berada di mana sahaja.

"Kita boleh berkumpul di sini (menyaksikan perasmian jambatan ini) dalam keadaan tenang tanpa takut-takut, tetapi di negara lain berhimpun seperti ini tidak dapat diadakan kerana mungkin ada pengganas yang akan meletupkan bom untuk bunuh orang tanpa belas kasihan," katanya.

Beliau berkata rakyat tidak harus memperkecilkan atau mengeluarkan kata-kata kesat terhadap pasukan keselamatan walaupun kadang kala tindakan mereka mungkin terkasar.

"Mereka terkasar sedikit mungkin kerana kita (rakyat) tidak patuh arahan mereka. Kita harus maaf mereka.

"Jangan kata macam-macam kepada mereka kerana sesungguhnya, amannya negara kita, bebas dan hidup kita tidak dalam ketakutan adalah kerana terdapatnya pasukan polis, tentera dan lain-lain pasukan keselamatan yang menjaga keselamatan negara," katanya.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan anggota-anggota exco kerajaan negeri adalah antara 20,000 orang yang hadir.

Peletakan batu asas jambatan itu dilakukan oleh Dr Mahathir pada 26 Nov 1999. Jambatan itu merupakan yang ketiga selepas Jambatan Sultan Yahya Petra di sini dan Jambatan Pasir Mas-Salor yang merintang Sungai Kelantan.

Ketiga-tiga jambatan itu menghubungkan bandar Kota Baharu dengan Pasir Mas, Tumpat dan Pekan Golok di Selatan Thailand melalui Rantau Panjang.

Jambatan baru itu dijangka dapat mengurangkan kesesakan teruk lalu lintas di kedua-dua hala menghubungkan bandar Kota Baharu ke sini terutama pada musim perayaan.

-- BERNAMA
RAR ERE MAI